

SEHARUSNYA amalan solat disemai dalam diri individu sejak zaman kanak-kanak.




DALAM tempoh empat hari lagi bulan Rejab akan melabuhkan tirai bagi memberi laluan kepada bulan Syaaban dan seterusnya bulan Ramadan. Bulan Rejab, cukup sinonim dengan peristiwa agung dalam sejarah Islam iaitu Israk dan Mikraj.

Ita merupakan sebuah perjalanan kilat Rasulullah S.A.W menghadap Allah S.W.T, pada malam hari. Kisah perjalanan baginda bermula dari Masjidil Haram, Mekah menuju ke Masjidil Aqsa, Baitulmuqaddis. Baginda kemudiannya dibawa ke langit sehingga ke

Keajaiban di sebalik

ibadah solat

KISAH perjalanan Nabi Muhammad menghadap Allah SWT bermula dari Masjidilharam di kota Mekah.



Oleh IZYAN LIYANA MOHD. DARIF
izyanliyana.darif@kosmo.com.my



ROSLILAWATI



HATIM NABIBAH

sa, Baitulmuqaddis. Baginda kembali-annya dibawa ke langit sehingga ke Sidratulmuntaha, lalu kembali ke Mekah pada malam yang sama. Sidratulmuntaha digambarkan sebagai pohon bidara yang tumbuh di langit keenam dan ketujuh. Peristiwa itu berlaku pada 27 Rejab 662 Masehi pada usia baginda 52 tahun.

Peristiwa Israk dan Mikraj memberikan pelbagai hikmah dan kelebihan. Pada peristiwa itu, Allah SWT telah memfardhukan solat lima waktu iaitu solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak ke atas semua umat Islam. Solat sehari semalam itu merupakan rukun Islam yang kedua.

Peristiwa Israk dan Mikraj membawa peringatan dan pengajaran yang wajib dilaksanakan oleh seluruh umat Islam di dunia ini, terutamanya amalan solat yang merupakan tiang agama yang wajib ditunaikan.

“Sebelum bertudung, saya terlebih dahulu menyucikan hati dan membaiki solat. Saya sentiasa berusaha menunaikan solat lima waktu walaupun sibuk dengan bermacam-macam aktiviti. Amalan solat tidak boleh dipandang remeh kerana ia perkara pertama akan dihisab pada hari akhirat,” luah selebriti Wardina Saffiyah Fadhlullah Wilmot, 33. Beliau menyatakan, adalah lebih bermakna sekiranya seseorang

Pada peristiwa Israk dan Mikraj Allah S.W.T telah memfardhukan solat lima waktu iaitu solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak ke atas semua umat Islam. Solat sehari semalam itu merupakan rukun Islam yang kedua.

muslimah itu bukan sekadar menutup aurat dan bertudung litup, tetapi turut menjaga solatnya.

Tegas wanita berdarah campuran Australia (sebelah bapa) dan Aceh (sebelah ibu) itu, dengan mendirikan solat ia membantu mengukuhkan hati dan iman para muslimin. Pada masa yang sama, orang yang bersolat itu jelas menunjukkan bahawa mereka tidak sombong kepada Allah, Yang Maha Mengetahui dan Maha Pencipta.

“Jika tidak bersolat, ini bermakna kita sombong dengan Allah. Justeru, jika kita bersikap bongkak dengan-Nya, maka tidak mustahil kita akan sombong terhadap manusia dan hidupan lain,” kata Wardina yang mendidik tiga orang anaknya, Amna Ikhwan Johari, 9, Azra, 6, serta Imran, 3, solat berjemaah pada waktu Subuh, Maghrib dan Isyak.

Solat membentuk akhlak

Sementara itu, Syahmi Hakim Kechnter Sha, 13, mengakui transisi kehidupannya hari ini lebih bermakna. Pada zaman kanak-kanaknya, dia tidak terlalu memikirkan soal solat dan mengaji al-Quran kerana beranggapan amalan tersebut akan dilaksanakan apabila dewasa kelak.

“Biasalah masa zaman kanak-kanak terlalu asyik dengan pelbagai aktiviti sehingga saya lalai. Kalau solat pun ikut mood, padahal solat itu perlu dilaksanakan mengikut waktu yang ditetapkan. Jenuh jua keluarga menasihati, tetapi saya tetap leka.

“Setelah mencapai usia 12 tahun, saya mula berubah dan berusaha untuk tidak meninggalkan solat lima waktu,” terang anak bongsu daripada lima orang adik-beradik itu yang bercita-cita bergelar pendidik dan pakar motivasi. Dia kini menuntut di Akademi

Tahfiz Al-Hidayah (ATAH) yang beroperasi di Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

Luah anak kelahiran Juasih, Negeri Sembilan itu lagi, sememangnya amalan bersolat membawa 1,001 keajaiban yang sukar untuk diterjemahkan dengan kata-kata. Apa yang pasti, solat membantunya membentuk akhlak dan budi pekerti.

Menghafaz al-Quran

Bagi Wan Abdul Hakim Wan Zulkifli, 11, dia menyifatkan tanggungjawab menunaikan solat seharusnya dididik sejak kecil lagi.

Sebagai umat Islam yang sentiasa mendambakan keberkatan Allah untuk hidup di muka bumi ini, bersolat adalah platform yang terbaik dan lebih afdal.

“Setiap hari, saya memperuntukkan masa antara dua

hingga tiga jam untuk membaca dan mempelajari ayat suci berulang kali supaya ingat dalam ingatan. Selain itu, bagi menguatkan lagi proses menghafaz ayat-ayat al-Quran beserta tajwid dan nahu yang betul, saya akan membacanya ketika mengimamkan solat jemaah,” kata anak sulung daripada lima orang adik-beradik yang selalu menjadi imam untuk kumpulan pelajar tahap satu.

Setakat ini, Wan Abdul Hakim, sudah mampu menghafal lima juzuk al-Quran dengan lancar.

Erti perpaduan dalam solat

Salah seorang tenaga pengajar di ATAH, Hatim Nabibah Mohamad Khairi, 21, memberitahu, amalan solat memiliki fa- ➤



WARDINA (kanan) dan suami sentiasa menunaikan solat jemaah bersama tiga orang permata hati mereka.



PADA peristiwa Israk dan Mikraj, Allah S.W.T telah memfardukan solat lima waktu yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam di muka bumi ini.

◀ dilat secara tersurat dan tersirat. Selain mendekati diri kepada Allah, solat juga salah satu cara terbaik untuk mengajar umat Islam erti perpaduan dan keseragaman dalam menjalani kehidupan seharian.

“Di ATAH, kami menekankan para pelajar terutamanya yang berusia 12 tahun ke bawah menunaikan solat secara berjemaah yang diketuai seorang imam.


“Hubungan antara imam dan makmum ketika melunaskan solat jemaah bertujuan mempamerkan situasi bersatu hati dalam kalangan orang Islam ketika menghadap Ilahi,” tutur anak kelahiran Ampang, Selangor yang turut bertindak sebagai guru bahasa Inggeris di sekolah berkenaan.

Tambah Hatim, sememangnya solat jemaah itu dituntut dalam Islam. Mengikut mazhab Shafie, hukum solat berjemaah ialah fardu kifayah meskipun sesetengah pendapat menyatakan hukumnya sunat muakad.

“Selain itu, keunikan solat jemaah bukan saja menawarkan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda, malah ia medium terbaik untuk merapatkan ukhwh sesama umat Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa, pangkat dan umur,” terang Hatim yang sebentar tadi meminta para pelajar memperkemaskan diri dan membuatkan saf sebelum melakukan solat Asar.

Istinjak perlu betul

Dalam pada itu, pengasas ATAH, Roslailawati Mohamad atau lebih mesra di-



PETA yang menunjukkan rentetan perjalanan Nabi Muhammad dari Masjidilharam ke Masjid Aqsa, Baitulmuqaddis sebelum naik ke langit untuk bertemu Allah.

kosmo 10/6/12 23.

sapa Ibu Laila, menyifatkan bahawa solat itu merupakan tiang agama yang perlu kukuh dalam diri setiap umat Islam.

Tidak dinafikan kebanyakan muslimin segera menunaikan kewajipan solat sebaik saja kedengaran laungan azan, namun persoalannya, adakah sebelum mengambil wuduk dan bersolat, individu telah melakukan istinjak dengan sempurna?

“Istinjak atau menyuci memerlukan kita membersihkan dubur dan kemaluan sesudah buang air kecil atau besar serta perlu dilakukan sebelum berwuduk. Proses ini wajib dititikberatkan bagi memastikan tubuh badan bebas daripada rasa, bau dan warna kotoran atau najis.

“Selesai beristinjak barulah berwuduk dan pastikan aliran air rata pada seluruh anggota wuduk seperti muka, tangan sehingga siku, kepala dan bahagian kaki. Kemudian, disusuli dengan solat yang perlu dijaga tata tertibnya,”

terang Ibu Laila, 52, yang turut menyatakan apabila tiga perkara asas seperti istinjak, wuduk, dan tertib solat dijaga, ia secara tidak langsung membuka peluang kepada individu memperoleh solat berkualiti.

Tambah ibu kepada tujuh cahaya mata dan sembilan orang cucu berkenaan solat yang berkualiti membantu membentuk ahlak yang mulia. Pada masa yang sama, amalan solat mampu menghalang umat Islam daripada melakukan perkara yang mungkar dan dilaknati Allah.

“Namun, jangan terkejut sekiranya berjumpa dengan sekelompok individu yang jarang meninggalkan solat, tetapi mereka antara umat yang tegar melakukan maksiat. Mengapa? Jawapannya mudah saja kerana perkara asas solat belum dilunaskan dengan baik,” jelas Ibu Laila yang menyokong usaha kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang melancarkan kempen Jom Solat dan Kem Solat.

Info



Peristiwa Israk Mikraj

- Peristiwa Israk dan Mikraj, merupakan kembara agung perjalanan Rasulullah S.A.W ke langit.
- Nabi Muhammad menerusi suatu perjalanan menakjubkan dari Masjidil Haram di Mekah menuju ke Baitulmuqaddis di Palestin.
- Baginda dibawa naik melepasi langit ke tujuh untuk bertemu Allah. Perjalanan itu hanya dilakukan dalam tempoh satu malam. Lazimnya, perjalanan dari Mekah, Madinah dan ke Palestin mengambil masa berbulan-bulan.
- Menerusi peristiwa Israk dan Mikraj, terdapat banyak pengajaran tersurat dan tersirat pedoman untuk manusia memperkuatkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah.

Antaranya ialah:

1) Beriman dengan perkara ghaib.

Setiap umat Islam wajib percaya dengan perkara ghaib yang menjadi asas tauhid kepada Allah. Di dunia ini terdapat banyak perkara yang dibuktikan oleh sains wujud, tetapi tidak terlihat oleh pandangan mata kasar.

2) Perintah mengerjakan solat.

Solat lima waktu yang difardukan merupakan tiang agama. Ia wajib dilaksanakan dengan penuh rasa khusyuk sambil mengharap keredhaan-Nya.

Tegas didik anak tentang solat

SEHINGGA hari ini, 80 peratus umat Islam terutamanya golongan muda masih samar tentang peristiwa Israk dan Mikraj.

Sebahagian besar umat Islam hanya menyedari tentang Israk dan Mikraj apabila tercatat cuti umum dalam kalendar. Lebih menyedihkan, mereka sekadar menghadiri ceramah agama dan menyertai perarakan yang anjuran majlis agama ataupun komuniti setempat tanpa menghayati dan menginsafi peristiwa itu sebaik mungkin.

“Sepatutnya, pada hari Israk dan Mikraj, kita meluangkan masa seketika untuk muhasabah diri dan memikirkan, adakah solat pelaksanaan solat kita sudah berkualiti? Adakah kita khususnya dan meletakkan sepenuh hati ketika melaksanakan perintah Allah ini?”

“Tidak dinafikan, bukan mudah untuk mendapatkan solat yang terbaik, tetapi sebagai umat Islam kita perlu sentiasa

berusaha tanpa rasa jemu. Usah tergesa-gesa sewaktu sembahyang kerana inilah saat yang tepat untuk kita mendekatkan diri dan berkomunikasi dengan-Nya,” jelas Eksekutif Unit Dakwah dan Pemasaran Khas Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Ahmad Husni Abd. Rahman.



AHMAD HUSNI

Beliau berpandangan, mendapati generasi muda kini terlalu sibuk mengejar hal duniawi sehingga mengabaikan bekalan untuk dibawa ke hari kiamat khususnya solat lima waktu.

Tegas Ahmad Husni, ibu bapa perlu memandang serius terhadap perkara tersebut. Seharusnya sejak usia tujuh tahun, anak-anak didedahkan dengan ilmu dan kepentingan solat. Pada usia 10 tahun, sekiranya mereka masih tegar untuk menunaikan kewajipan sembahyang maka ibu bapa layak memarahi dan memukul anak-anak.

“Apa yang saya perhatikan, ibu bapa

hari ini lebih cenderung memarahi anak-anak kerana gagal dalam subjek Matematik, tidak mahir bermain alat muzik atau menari.

“Tetapi tidak pula memukul anak-anak yang masih teragap membaca surah al-Fatihah dan gagal menunaikan solat yang baik. Bukankah, anak-anak kita sedang mencalarakan iman mereka sendiri? Jika tidak dibendung dari awal, anak-anak ini akan menjadi golongan remaja yang liar dan tiada arah tuju. Isu rempit, penagih dadah dan pelacur barangkali meningkat pada tahap yang membimbangkan,” keluh Ahmad Husni ketika ditemui *Kosmo!* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Justeru, ibadat solat jalan yang terbaik untuk memulihkan keadaan dan melahirkan para pemimpin yang mampu memimpin sebuah negara yang diredai Allah.

Selain itu ibadat solat wajar dititikberatkan kerana ia membantu membentuk keunggulan peribadi Muslim dan tonggak kekuatan umat Islam.

3) Percaya dengan hari kiamat.

Setiap orang Islam bukan sahaja wajib percaya dengan hari kiamat bahkan diperintahkan untuk membuat persiapan berupa bekalan amal kebajikan bagi menghadapi hari yang maha dahsyat itu.

4) Percaya azab Tuhan

Pelbagai seksaan ditunjukkan kepada Nabi Muhammad dalam perjalanan Israk dan Mikraj tersebut. Ini membuktikan betapa Allah berkuasa untuk menghukum hamba yang ingkar dan hidup bergelumang dosa.

5) Wajib percaya dengan qada dan qadar

Dalam mengharungi kehidupan dunia yang penuh pancaroba ini, manusia berdepan dengan dugaan dan rintangan yang mematangkan jiwa. Maka selayaknya umat Islam menerima segala qada dan qadar Ilahi tanpa terlalu bersedih apabila ditimpa musibah ataupun terlalu bergembira apabila diberi kenikmatan.